

# Gilap potensi, kemahiran

Jangan letak persepsi graduan bukan kritikal tiada peluang pekerjaan



**FOKUS**

Oleh **Ruhaiza Rusmin**  
ruhaizarusmin@medi-  
aprima.com.my

**T**entu ada yang tidak kena apabila wujud pertikaian atau pandangan serong terhadap kemampuan graduan yang dilahirkan institusi pengajian tinggi (IPT) negara dalam bidang bukan kritikal.

Dengan tanggapan graduan terbabit bakal menjadi pemegang status penganggur terhormat, persepsi itu bukan saja boleh mencairkan nama baik institusi malah meresahkan mereka yang mengikuti bidang berkenaan.

Biarpun dilihat tidak adil kerana penilaian dibuat sebelum diberi peluang membuktikannya, rungutan kebanyakan graduan yang masih terkial-kial mencari pekerjaan cukup meninggalkan dilema.

Justeru, apakah benar graduan bidang bukan kritikal ini kurang mempunyai nilai pasaran kerjaya?

Apakah nilai pengajian mereka tidak setinggi nilai graduan bidang kritikal?

Juga, benarkah isu graduan menganggur disebabkan pengajian berkenaan tidak kompeten di pasaran dengan peluang kerja yang semakin terhad?

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr

Mohammad Shatar Sabran, berkata nilai graduan bukan terletak pada kelayakan atau jurusan semata-mata namun turut dinilai dari perspektif keupayaan bagaimana mereka mampu memanfaatkan ilmu dipeoleh.

Beliau berkata, sama ada program kritikal atau tidak, jika gagal memasarkan kebolehan diri di mata majikan, kelayakan atau sekeping sijil pasti tidak bernilai.

“Dulu ada benarnya jika graduan meletak kebergantungan pada faktor berkenaan tapi hari ini semuanya bergantung pada kebolehan diri dan bagaimana mahu mengadaptasi dengan kehendak persekitaran.

“Sebagai majikan yang mempunyai banyak pilihan,



**AMBIL** peluang untuk mendedahkan diri dengan rasa tanggungjawab menerusi khidmat sosial kerana ia juga bakal membantu graduan menjadi lebih bertanggungjawab pada sendiri. - Gambar hiasan



**TIADA** diskriminasi sama ada pelajar daripada aliran bukan kritikal atau kritikal yang penting adalah kemampuan untuk belajar berdikari di menara gading sekali gus keluar sebagai graduan yang memenuhi kehendak semua pihak. - Gambar hiasan

mereka pasti mahu melihat lebih daripada faktor tipikal yang sudah biasa diberikan graduan lain sebelum ini.

“Jadi, jangan letakkan persepsi graduan bukan kritikal tiada peluang pekerjaan, bakal penganggur atau sukar mendapat perhatian majikan dan sebagainya. Graduan bidang kritikal juga tidak lepas dari masalah ini,” katanya.

Beliau berkata, nilai kemahiran yang sangat diperlukan pasaran semasa tidak boleh diperoleh dengan mudah dan perlu dipupuk sendiri.

“Mungkin ada segelintir individu bertuah kerana dianugerahkan dengan nilai itu namun tidak bermakna mereka yang tiada tidak boleh berjaya.

“Ramai golongan hebat dan berjaya di luar sana juga asalnya tidak mempunyai apa-apa tapi mereka berusaha keras untuk berjaya. Mereka tidak berpeluk tubuh dan menunggu rezeki datang bergolek.


“Jadikan ini sebagai iktibar dengan graduan be-



**MAJIKAN** mempunyai banyak pilihan untuk menentukan kriteria graduan sebelum menawarkan kerjaya justeru graduan perlu bersedia dengan pelbagai kemahiran bagi menambat hati majikan. - Gambar hiasan

**KOLEJ PENGURUSAN PENERBANGAN**  
(B4P4018)

Ramai graduan kami berjaya mendapatkan pekerjaan dipelbagai syarikat penerbangan terkemuka dengan gaji yang lumayan. Anda bila lagi?



TIADA MASA UNTUK TELEFON? BIAR KAMI HUBINGI ANDA.  
SMS: **AMC HANTAR KE 36828**

**PENGAMBILAN BARU: 18 NOVEMBER 2013  
DAFTAR SEKARANG**

**DIPLOMA PENGURUSAN PENERBANGAN & PELANCONGAN**  
JPT/BPP(PA9902)10/14


**DIPLOMA PENGURUSAN KEWANGAN PENERBANGAN**  
JPT/BPP(PA0565)11/16

**DIPLOMA PENGURUSAN PEJABAT**  
JPT/BPP(PA10245)10/14

**DIPLOMA PENGURUSAN OPERASI PENERBANGAN**  
JPT/BPP(PA9901)10/14


**DIPLOMA PENGURUSAN PENERBANGAN (Separuh Masa & Sepenuh Masa)**  
KPT(JP5)(A8212)12/17

Tel : 03- 8926 5337  
Bebas Tol : 1-800-228-262  
Website: [www.kolej.edu.my](http://www.kolej.edu.my)





BANYAK peluang boleh direbut graduan ketika di menara gading, justeru jadikan ia sebagai platform untuk membina kelebihan diri. - Gambar hiasan



**"Sama ada graduan bidang kritikal atau tidak bukan persoalan atau keperluan utama untuk berjaya dalam hidup. Kejayaan adalah subjektif dan boleh didefinisikan dengan pelbagai cara"**

DR Mohammad Shatar

untuk berjaya dan bersemangat melakukan perubahan.

"Bentuk diri dengan pelbagai cara dan memang ada banyak cara untuk mencapai kejayaan," katanya yakin bahawa setiap orang boleh berjaya jika ada kemahuan tinggi.

"Dalam ilmu psikologi kehendak yang kuat boleh disimpulkan sebagai motivasi yang akan mendorong individu melakukan apa saja bagi mencapai cita-citanya.

"Setiap individu ada potensi cuma bagaimana potensi itu digilap adalah berbeza. Pada zaman sekarang, semuanya memperoleh peluang yang sama.

"Sebab itu, sama ada graduan bidang kritikal atau tidak bukan persoalan atau keperluan utama untuk berjaya dalam hidup. Kejayaan adalah subjektif dan boleh didefinisikan dengan pelbagai cara," katanya.

Beliau berkata setiap individu akan menghabiskan suku usia di alam persekolahan dan tempoh itu cukup panjang untuk membuat persiapan diri dan masa depan.

Alam persekolahan rendah dan menengah, katanya adalah asas manakala pengajian tinggi pula ada-

lah untuk memantapkan ilmu sedia ada.

"Sementara alam pekerjaan pula adalah untuk mempraktikkan apa saja ilmu diperoleh di alam pengajian tinggi dengan menambah pengalaman demi pengalaman baru.

"Ada sebab mengapa mahasiswa disuruh mengutip seberapa banyak ilmu dan pengalaman semasa di menara gading. Ia bertujuan menjadi perisai juga perisai sebelum melepasi tembok universiti kelak.

"Kerana melihat kepentingan itulah, modul di IPT dipelbagaikan dengan penekanan kepada pembangunan insaniah," katanya yang menganggap universiti adalah tempat terbaik memperkasakan kemahiran diri sebelum melangkah alam pekerjaan.

"Malangnya, ramai mahasiswa tidak mahu menggunakan peluang itu. Mereka mudah lena dan leka di universiti.

"Pada masa sama, ter-bawa-bawa konsep pembelajaran di sekolah. Perlu diingat, situasi sudah tidak sama kerana kampus adalah gelanggang untuk ber-

dikari. "Jadi jangan salahkan program sekiranya graduan tidak memperoleh pekerjaan. Mereka sendiri yang tidak mahu berusaha dan merebut peluang di depan mata," katanya.

Beliau juga tidak berse-tuju mengenai dakwaan se-gelintir pihak bahawa program bukan kritikal lebih banyak dipilih mahasiswa Melayu selain ada menyala-hkan institusi kerana menawarkan program bukan pilihan.

"Sistem pengambilan IPT awam adalah meritokrasi bukan kuota. Bermaksud setiap penawaran tempat adalah berdasarkan keputusan akademik pelajar sendiri.

"Mereka pasti tahu apakah program layak diikuti berdasarkan kelayakan itu. Dan, ini juga bukan salah institusi kerana kami hanya menjalankan tanggungjawab kepada negara juga masyarakat.

"Saya berharap semua pihak melihat keperluan dunia hari ini dengan pandangan luas. Masih banyak lagi kejayaan boleh diteroka dalam hidup ini andai kata kita mahu berusaha," katanya.

# Graduan AMC mudah dapat kerja

Tahniah kepada mereka yang mendapat keputusan cemerlang. Kepada yang kurang bernasib baik, jangan putus asa kerana masa depan anda bukan terletak pada satu peperiksaan semata-mata.

"Saya gagal beberapa mata pelajaran di dalam peperiksaan, rakan saya lulus semuanya. Kini, dia bekerja sebagai jurutera di Microsoft, manakala saya pemilik Microsoft"- Bill Gates.

Kolej Pengurusan Penerbangan atau AMC memberi peluang kedua kepada pelajar yang mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang sederhana.

AMC menerima kemasukan pelajar dengan syarat minima, iaitu tiga ke-pujian dalam mana-mana mata pelajaran dan lulus Bahasa Inggeris, Matema-tik dan Sains.

AMC menawarkan kursus diploma dalam bidang pengurusan penerbangan, operasi penerbangan, penerbangan dan pelan-congan, kewangan penerbangan dan pengurusan pejabat.

Walaupun baru tujuh

tahun dalam sektor pen-didikan, AMC melahirkan ramai graduan yang men-dapatkan pekerjaan di syarikat penerbangan terkemuka tanah air dan antarabangsa seperti Emirates, MAS, AirAsia X, Firefly dan MASWings.

Ini membuktikan AMC menghasilkan modal insan yang berkualiti tinggi untuk industri penerbangan.

Ramai daripada mereka mendapat tawaran peker-jaan walaupun belum menamatkan latihan industri. Selain ditawarkan gaji lu-mayan, mereka juga berpe-luang melancong ke tempat-tempat menarik di seluruh dunia dengan tambang yang jauh lebih rendah.

Dalam usaha mening-katkan mutu perkhid-matan pendidikan yang tinggi, AMC mendapa-tkan pengiktirafan ISO 9001:2008 dalam menye-diakan pendidikan tinggi dalam bidang penerbangan dan pengurusan.

AMC juga mendapat gred yang baik dalam ujian peng-kelasan kualiti IPTS, My-Quest yang dijalankan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

AMC membeli sebuah

pesawat jenis Sonex bagi membolehkan pelajar melihat sendiri pema-sangan pesawat yang di-lakukan jurutera yang juga tenaga pengajar AMC dan beberapa pelajar lain.

Apabila sudah siap di-pasang, semua pelajar berpeluang terbang bersa-ma jurutera AMC se-cara percuma.

Kampus baru AMC berdekatan Putrajaya dalam pembinaan dan bakal menempatkan kira-kira 2,000 pelajar dengan ke-mudahan bilik kuliah yang luas dan kemuda-han sukan seperti kolam renang, padang futsal dan gelanggang bola keran-jang.

Pengambilan pelajar baru akan diadakan pada 18 November 2013. Pela-jar yang berminat boleh mendaftar secara talian di <http://www.kolej.edu.my/register> sekarang.

Keputusan permoho-nan akan dimaklumkan terus melalui e-mel pela-jar secara serta-merta.

Layari [www.kolej.edu.my](http://www.kolej.edu.my) atau hubungi ta-lian 03-89265337 untuk maklumat lanjut.

# SERI UKM raih anugerah sains dan teknologi

**Pusat** Penyelidikan Te-naga Suria (SERI), Uni-versiti Kebangsaan Ma-laysia (UKM) memenangi anugerah Bank Pamban-guan Islam (IDB) edisi ke -11 dalam bidang sains dan teknologi, baru-baru ini.

Kemenangan itu mem-bolehkan SERI UKM memenangi anugerah wang tunai, sijil dan trofi dengan memperoleh markah tertinggi menga-lahkan 55 permohonan lain.

SERI menghasil-kan beberapa inovasi teknologi dalam peng-gunaan tenaga suria dan sudah menerbitkan la-pan buah buku dan 235 artikel yang dimuatkan dalam jurnal berimpak tinggi.



TROFI yang dimenangi SERI UKM.



KEJAYAAN graduan bukan hanya pada sekeping sijil namun boleh ditafsirkan menerusi perspektif berbeza. - Gambar hiasan.